

CNS4910

R GB 01-01 00148 BB660

Bah

KERAJAAN KAJI WUJUDKAN SEBUAH LAGI STESEN TELEVISYEN SWASTA  
Mahathir - Televisyen (Bergambar)

KAJANG, 1 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji cadangan Kementerian Penerangan untuk mewujudkan sebuah lagi stesen televisyen swasta di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Di samping itu, kerajaan juga akan mengkaji cadangan kementerian itu memperbadankan dan seterusnya menswastakan TV Pendidikan, tambahna.

+Kita akan rujukna cadangan-cadangan itu kepada kabinet untuk membuat keputusan,+ katanya kepada pemberita semasa menghadiri sambutan Hari Keluarga kawasan perumahan Country Heights di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas cadangan tersebut yang dibuat oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat ketika merasmikan majlis tersebut.

Menurut Datuk Mohamed, stesen televisyen swasta itu dicadangkan hanya untuk penonton kawasan Lembah Kelang dan TV Pendidikan pula akan mempunyai stesennya sendiri apabila ia diswastakan. -- Lagi

▼01/01/14-36MST

CNS4911

R GB 01-01 00134 BB661

Bah

Mahathir - Televisyen 2 Kajang

Ketika ini terdapat sebuah stesen televisyen swasta iaitu TV3 manakala TV Pendidikan dikendalikan bersama oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Penerangan.

Datuk Mohamed berkata cadangan untuk mengadakan sebuah lagi stesen televisyen swasta itu dibuat berikutan wujudnya keperluan segera terhadap stesen seumpama itu di Lembah Kelang.

Menurutnya, kementerian sudah menerima permohonan beberapa buah syarikat swasta hendak mengendalikan stesen televisyen swasta yang baru itu.

Mengenai cadangan menswastakan TV Pendidikan, Datuk Mohamed berkata ia bertujuan agar televisyen dapat berperanan memberi pendidikan bukan sahaja kepada pelajar seperti yang dilaksanakan sekarang tetapi juga meliputi rakyat keseluruhannya.

+Kita hendak memperluaskan penggunaan media untuk mendidik rakyat dari segi pengetahuan dan kemahiran dengan lebih berkesan agar cita-cita pembinaan negara akan lebih tercapai,+ tambahna. -- Lagi

▼01/01/14-39MST

CNS4915

R GB 01-01 00108 BB662

Bah

Mahathir - Televisyen 3 Kajang

Datuk Mohamed berkata kandungan TV Pendidikan akan diperbaiki dan pihak swasta akan mengendalikannya dengan diawasi oleh kerajaan.

+TV Pendidikan juga boleh menyumbang kepada kejayaan universiti terbuka seperti yang dicadangkan di negara ini,+ katanya.

Berbagai-bagai acara diadakan sempena temasya itu seperti tarik tali, pertunjukan akrobatik dan biathlon iaitu acara larian sejauh 6 km, kemudian berbasikal sejauh 36 km dan berlari semula sejauh 6 km.

Acara biathlon dimenangi oleh juara biathlon negara, Mohamed Razali..

Yang turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan. -- Bernama

▼01/01/14-49MST